

18 DEC 1996

## LION MASIH BERMINAT DENGAN PERWAJA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Lion Group masih lagi berminat untuk menyertai penswastaan Perwaja Steel Sdn Bhd, kata pengerusi dan pengarah urusannya, Tan Sri Willian Cheng hari ini.

"Kami berpuas hati dengan ekuiti 30 peratus dalam Perwaja yang ditawarkan oleh kerajaan sehingga sekarang. Tetapi untuk mengambilnya, syarat-syaratnya mestilah dapat diterima oleh pihak kami."

Kerajaan ketika mengumumkan cadangan menyelamatkan Perwaja, telah menawarkan kepada Maju Holdings 51 peratus kepentingan di dalam syarikat membuat keluli dan 30 peratus kepada Lion Group. Kerajaan pula memegang 19 peratus ekuiti.

Selepas kerajaan membuat tawaran kepada Lion Group, kumpulan itu bersikap dingin terhadap cadangan penyelamat tersebut tetapi kini kelihatan Lion Group berminat pula dengan urusan penswastaan itu.

Cheng mengesahkan bahawa Lion Group tidak terbabit dalam pengurusan sementara Perwaja dalam tempoh penyelamat antara Julai dan Disember tahun ini.

Pengurus sementara Perwaja, iaitu Equal Concept Sdn Bhd, telah mengemukakan pelan menyelamatkan kepada kerajaan yang keputusannya belum dicapai.

Maju Holdings memegang 51 peratus kepentingan di dalam Equal Concept.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dipetik sebagai berkata baru-baru ini bahawa Lion Group tidak berminat dalam pelan menyelamatkan yang dicadangkan itu kerana ia tidak bersedia untuk menyertai pelan tersebut dan juga tidak berpuas hati dengan ekuiti yang diperuntukkan.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa Lion Corporation Bhd di sini, Cheng berkata bahagian ekuiti bukanlah perkara penting, tetapi syarikat menghadapi halangan untuk melibatkan diri dalam menyediakan dana bagi menyelamatkan Perwaja yang dilanda masalah kewangan.

"Pihak kami sendiri sedang membuat rancangan pembesaran sejak lima hingga enam bulan kebelakangan untuk memperkukuhkan bahagian keluli kami," katanya.

Cheng berkata oleh kerana ini, pemegang saham syarikat dijangka menghadapi kesulitan bagi mendapatkan sumber dana tambahan untuk Perwaja, sambil menambah bahawa "apa yang saya tahu, kos menyelamatkan serta pakej penswastaan Perwaja adalah tinggi."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini telah berkata bahawa Equal Concept Sdn Bhd perlu melabur lebih daripada RM1 bilion untuk menghidupkan semula syarikat membuat keluli yang menanggung kerugian terkumpul sebanyak RM2.9 bilion.

Bagaimanapun, kata Cheng, Lion Group telah membantu Perwaja dalam melatih kira-kira 160 pekerja Perwaja di kilang keluli utamanya di Labuan dan Bukit Raja, Klang sejak awal tahun ini.

"Latihan itu, bertujuan meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan pekerja Perwaja, adalah secara percuma," tambahnya.

Pada mesyuarat agung luar biasa itu pemegang saham Lion Corporation meluluskan cadangan langganan tambahan 180,000,001 saham biasa baru di dalam Megasteel Sdn Bhd. -- BERNAMA

RIZ MA/sia